



**KERAJAAN MALAYSIA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA**

DOKUMEN SEBUT HARGA

NO. DOKUMEN: SH(B)/TBNSA/SPPT/01/2017

BAGI

**PERKHIDMATAN MENAIKTARAF LAMPU JALAN (CEKAP TENAGA) DAN
KERJA YANG BERKAITAN DI TAMAN BOTANI NEGARA SHAH ALAM
(TBNSA)**

PERINGATAN PENTING

**PENYEBUTHARGA DIKEHENDAKI MEMBACA DENGAN TELITI DAN MEMAHAMI
KESELURUHAN BUTIR-BUTIR YANG TERKANDUNG DI DALAM DOKUMEN INI
SEBELUM MENGISIKANNYA. PENYEBUTHARGA YANG MEMBUAT KESILAPAN DAN
TIDAK MEMATUHI MANA-MANA FASAL DALAM DOKUMEN INI AKAN
MENYEBABKAN TAWARAN MEREKA TIDAK DIPERTIMBANGKAN**

SULIT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA
DOKUMEN SEBUT HARGA: SH(B)/TBNSA/SPPT/01/2017

ISI KANDUNGAN

<u>PERKARA</u>	<u>MUKA SURAT</u>
Notis Pelawaan Sebut Harga	3
Lampiran Q	6
Arahan Kepada Penyebutharga	9
Syarat-Syarat Am	14
Jadual Pematuhan Spesifikasi	26
Spesifikasi Teknikal	28
Pelan Pelaksanaan & Lokasi Penghantaran Serta Penetapan Mesin	32
Jadual Harga	34
Maklumat Penyebutharga	36
Jadual Pengalaman Syarikat	42
Surat Akuan Penyebutharga	44
Senarai Semak	46
Contoh Surat Niat	51
Contoh Surat Setuju Terima	54

**NOTIS
PELAWAAN
SEBUT HARGA**



KERAJAAN MALAYSIA

**TAMAN BOTANI NEGARA SHAH ALAM
BAHAGIAN PEMBANGUNAN INDUSTRI DAN EKONOMI BUMIPUTERA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA**

KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Tawaran adalah dipelawa kepada Syarikat-syarikat yang beralamat di negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya serta telah eP-enabled yang berpengalaman, berkeupayaan dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia serta memegang Sijil Akaun Pendaftaran Syarikat dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan Sijil Akaun Pendaftaran Syarikat Bumiputera serta Sijil Pendaftaran dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (jika berkaitan) **yang masih berkuatkuasa** sekurang-kurangnya **enam (6) bulan dari tarikh tutup tawaran** ini mengikut kod bidang seperti berikut:

Tajuk dan Kod Rujukan Sebut Harga	Kod Bidang	Tarikh Pelawaan Sebut Harga	Tarikh Tutup Sebut Harga
SH(B)/TBNSA/SPPT/01/2017 PERKHIDMATAN MENAIKTARAF LAMPU JALAN (CEKAP TENAGA) DAN KERJA YANG BERKAITAN DI TAMAN BOTANI NEGARA SHAH ALAM (TBNSA)	220503– (Perkhidmatan Perkakas/Sistem Elektrik)	2 Ogos 2017 (Khamis)	8 Ogos 2017 (Selasa) Jam 12.00 tengahari

2. Syarikat hendaklah mengambil perhatian bahawa fi perkhidmatan sebanyak 0.8% bagi setiap transaksi bagi setiap transaksi tertakluk kepada had maksimum berjumlah RM9,600 bagi transaksi yang bernilai RM1.2 juta atau lebih bagi pembelian yang melibatkan hanya sekali bayaran (*one time payment*).

SULIT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA
DOKUMEN SEBUT HARGA: SH(B)/TBNSA/SPPT/01/2017

3. Dokumen sebut harga perlu dicetak dan dikemukakan secara **MANUAL DAN BERTAIP** dilengkapkan dan ditandatangani oleh syarikat dan saksi. Dokumen sebut harga tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul surat berlakri dan dimasukkan ke dalam peti tawaran di Pejabat Pentadbiran Utama TBNSA **pada atau sebelum 8 OGOS 2017 tidak lewat jam 12.00 tengahari** seperti alamat berikut:

**Taman Botani Negara Shah Alam
Bahagian Industri Asas Tani
Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani
Bukit Cahaya Seri Alam
40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan**

4. TBNSA tidak terikat menerima tawaran yang terendah atau tertinggi atau mana-mana tawaran atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran Sebut Harga.
5. TBNSA tidak bertanggungjawab di atas sebab-sebab kelewatan atau kehilangan dokumen sebut harga tersebut.
6. Kerajaan Malaysia tidak akan terikat untuk menerima sebarang tawaran Sebut Harga, serta tiada sebarang alasan akan diberikan ke atas mana-mana Sebut Harga yang ditolak atau tidak berjaya. Sebarang rayuan/cadangan/bantahan tidak akan dilayan. Keputusan Sebut Harga adalah muktamad.
7. Syarikat yang hendak mendaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia boleh berbuat demikian secara atas talian di **<http://www.eperolehan.com.my/>** atau boleh menghubungi Khidmat Bantuan Pelanggan e-Perolehan di talian **03-7985 7888**. Penyebut Harga juga dikehendaki untuk mendapatkan latihan secukupnya mengenai pengendalian sistem e-Perolehan daripada Commerce Dot Com Sdn. Bhd.
8. Tawaran yang lewat dikemukakan **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN.**



LAMPIRAN Q

SULIT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA
DOKUMEN SEBUT HARGA: SH(B)/TBNSA/SPPT/01/2017

(Kew. 284-Pin. 5/94)

**Lampiran Q
(ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)**

Bila menjawab,
sila nyatakan
nombor ini

No. Sebut Harga:

**KERAJAAN MALAYSIA
NEGERI SELANGOR**

SEBUT HARGA UNTUK BEKALAN/PERKHIDMATAN

Kepada (Nama Syarikat)

.....

No. Telefon.....

No. Pendaftaran dengan Kem. Kewangan
.....

Kod Bidang Pendaftaran yang relevan dengan
Pembelian ini Kod Bidang **220503** bagi **Perkhidmatan
Perkakas/Sistem Elektrik**

Pelawaan Sebut Harga dikeluarkan oleh:
Kementerian/Jabatan (Alamat Lengkap)

**Taman Botani Negara Shah Alam,
Bahagian Industri Asas Tani,
Kementerian Pertanian dan Industri
Asas Tani Malaysia Bukit Cahaya
Seri Alam, 40000 Shah Alam,
Selangor**

No. Telefon. **03-5510 6922**

Tarikh: **1 Ogos 2017**

1. Sila beri sebut harga untuk bekalan barang-barang/perkhidmatan yang disenaraikan di bawah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan:
 - 1.1 Syarat Penyerahan/Penyempurnaan : **Lihat Syarat-syarat Am.**
 - 1.2 Tarikh Penyerahan/Penyempurnaan: **Dua (2) bulan daripada tarikh surat setuju terima/tarikh pesanan tempatan dikeluarkan.**
 - 1.3 Arahan Pengiriman/Penghantaran: **Taman Botani Negara Shah Alam, Bahagian Industri Asas Tani, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia, Bukit Cahaya Seri Alam, 40000 Shah Alam, Selangor.**
 - 1.4 Sebut Harga hendaklah dimasukkan ke dalam suatu sampul surat berlakri dan bertanda No. Sebut Harga: **SH(B)/TBNSA/SPPT/01/2017– Sebut Harga PERKHIDMATAN MENAIKTARAF LAMPU JALAN (CEKAP TENAGA) DAN KERJA YANG BERKAITAN DI TAMAN BOTANI NEGARA SHAH ALAM (TBNSA)**
 - 1.5 Sebut Harga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang berkenaan di alamat di atas tidak lewat pada jam 12.00 tengahari **8 Ogos 2017.**
 - 1.6 Tempoh sahlaku Sebut Harga hendaklah **sembilan puluh (90)** hari selepas tarikh tutup.

SULIT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA
DOKUMEN SEBUT HARGA: SH(B)/TBNSA/SPPT/01/2017

Bil	Perihal barang-barang/perkhidmatan dan Syarat-syarat Khas	Unit Ukuran	Kuantiti/ Kekerapan	Kadar (RM)	Harga (RM)
Untuk diisi oleh Jabatan				Untuk diisi oleh Penyebutharga	
	<p>SEBUTHARGA PERKHIDMATAN MENAIKTARAF LAMPU JALAN (CEKAP TENAGA) DAN KERJA YANG BERKAITAN DI TAMAN BOTANI NEGARA SHAH ALAM (TBNSA)</p> <p>1. Sila sertakan sesalinan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat dengan Kementerian Kewangan dan sesalinan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera dengan Kementerian Kewangan (jika berkaitan) serta Sijil Pendaftaran dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Penyebutharga yang tidak menyertakan sesalinan sijil di atas tidak akan dipertimbangkan.</p> <p>2. Sila ambil maklum bahawa fi perkhidmatan sebanyak 0.8% bagi setiap transaksi bagi setiap transaksi tertakluk kepada had maksimum berjumlah RM9,600 bagi transaksi yang bernilai RM1.2 juta atau lebih bagi pembelian yang melibatkan hanya sekali bayaran (<i>one time payment</i>).</p>				
				Jumlah	

(i) Harga yang ditawarkan adalah harga bersih; dan

(ii) Tarikh Penyerahan/Penyempurnaan

ialah.....

Saya/Kami dengan ini menawar untuk membekalkan barang-barang/perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang ditunjukkan di atas dengan tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan di belakang ini.

Tandatangan Penyebutharga :

Nama dan K/P :

Alamat Syarikat :

.....

.....

.....

Tarikh :

**ARAHAN KEPADA
PENYEBUTHARGA**

ARAHAN KEPADA PENYEBUTHARGA

1. Semua keterangan mengenai tawaran ini atau butir-butir lengkap mengenai syarat-syarat dan penentuan dikemukakan bersama-sama dokumen ini.
2. Kesemua borang hendaklah dicetak dan diisi dengan lengkap seperti yang ditentukan dengan kemas dan terang dan **TIDAK DIBENARKAN** untuk membuat sebarang perubahan terhadap dokumen sebutharga.
3. **Penyediaan Dokumen Sebut Harga**
 - 3.1 Penyebutharga hendaklah membaca arahan-arahan dan syarat-syarat serta menyemak kandungan dokumen tawaran dengan teliti sebelum membuat tawaran. Kegagalan mematuhi mana-mana arahan dan syarat di bawah ini membolehkan tawaran Penyebutharga tidak akan dipertimbangkan atau terus ditolak.
 - 3.2 Ringkasan Sebutharga perlu diisi sepenuhnya dan ditandatangani oleh penyebutharga dan saksinya.
 - 3.3 Penyebutharga **WAJIB** mengemukakan dokumen sebutharga yang terdiri daripada perkara berikut:

A) CADANGAN KEWANGAN

- (i) Borang Akuan Sebutharga (Lampiran Q);
- (ii) Maklumat Kewangan dan kakitangan Syarikat;
- (iii) Jadual Harga;
- (iv) Salinan Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan;
- (v) Sijil Taraf Bumiputera dengan Kementerian Kewangan;
- (vi) Salinan Sijil Pendaftaran dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia;
- (vii) Carta Organisasi Syarikat;
- (viii) Salinan penyata bulanan akaun bank syarikat penyebutharga bagi **tiga (3) bulan terakhir (April, Mei dan Jun 2017)**;
- (ix) Sijil My Hijau Mark jika ada;

(x) Senarai Semak yang wajib ditandakan untuk Cadangan Kewangan;

Penting: Semua salinan maklumat sokongan di dalam Cadangan Kewangan hendaklah disahkan oleh pegawai atasan yang diberi kuasa oleh syarikat.

B) CADANGAN TEKNIKAL

- (i) Jadual Pematuhan Teknikal dan Spesifikasi Teknikal. Penyebutharga mestilah menyatakan maklumat terperinci bagi setiap item yang dinyatakan;
- (ii) **BROSUR YANG BERKAITAN** dengan perkhidmatan atau manual spesifikasi yang menyokong spesifikasi teknikal **MESTILAH** disertakan;
- (iii) Pelan Pelaksanaan dan Jadual Pelaksanaan hendaklah mengandungi tempoh masa yang diperlukan;
- (iv) Profil kakitangan. Dilarang menyatakan nama kakitangan. Sila nyatakan jawatan kakitangan dan pengalaman sahaja;
- (v) Jadual Pengalaman Syarikat. Sila sertakan senarai kontrak di dalam bidang yang sama dan nilai kontrak;
- (vi) Senarai Semak yang wajib ditandakan untuk Cadangan Teknikal;
- (vii) Semua maklumat yang disertakan dalam Cadangan Teknikal **TIDAK BOLEH** mengandungi harga atau kos Penyebutharga.

4. Penyerahan Dokumen Sebut Harga

- 4.1 Dokumen perlu dicetak dan dikemukakan **SECARA MANUAL DAN BERTAIP** yang telah dilengkapkan dan ditandatangani oleh pembida dan saksi. Dokumen tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul surat berlakri dan ditanda bahagian atas sampul surat sebagai **SULIT** itu dengan:

PERKHIDMATAN MENAIKTARAF LAMPU JALAN (CEKAP TENAGA) DAN KERJA YANG BERKAITAN DI TAMAN BOTANI NEGARA SHAH ALAM (TBNSA)

NO. DOKUMEN: SH(B)/TBNSA/SPPT/01/2017

SULIT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA
DOKUMEN SEBUT HARGA: SH(B)/TBNSA/SPPT/01/2017

dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di alamat seperti di bawah:-

Taman Botani Negara Shah Alam
Bukit Cahaya Seri Alam
Bahagian Industri Asas Tani
Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia
40000 SHAH ALAM
Selangor Darul Ehsan

- 4.2 Dokumen Sebutharga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatatkan dengan no. Sebutharga serta tajuk Sebutharga seperti di atas dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga pada masa dan tempat yang ditetapkan dalam Kenyataan Sebutharga iaitu pada **8 Ogos 2017** tidak lewat dari **jam 12.00 tengah hari**.
- 4.3 Jika Dokumen Sebutharga tidak diserahkan dengan tangan, Kontraktor hendaklah menghantar Dokumen tersebut dengan pos supaya tiba pada atau sebelum masa dan di tempat yang ditetapkan.
- 4.4 Sebutharga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan atas sebab apa sekalipun, tidak akan dipertimbangkan.
5. Sebutharga ini sah laku selama sembilan puluh (90) hari dari tarikh tutup sebut harga dan tempoh itu boleh dengan dengan persetujuan bersama dilanjutkan jika dan apabila perlu. Penyebutharga tidak boleh menarik balik sebut harga sebelum tamat tempoh sah sebut harga. Pengesyoran tindakan tatatertib akan diambil sekiranya penyebutharga menarik balik sebelum tamat tempoh sah laku sebut harga.
6. Pelawaan sebut harga ini adalah terikat dengan syarat-syarat yang terkandung di dalam syarat-syarat kontrak, borang dan penentuan sebut harga.
7. Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah dan Kerajaan berhak menerima sebahagian dari tawaran Penyebutharga dari bilangan yang dikehendaki yang tercatat di dalam tawaran mengikut kepada kedudukan kewangan Kerajaan. Tiada sebarang alasan yang perlu diberikan oleh Kerajaan untuk sebarang penolakan tawaran. Keputusan mengenai tawaran yang dikeluarkan adalah muktamad. Sebarang surat-menyurat mengenai keputusan tawaran tidak akan dilayan.
8. Semua perbelanjaan bagi penyediaan sebut harga adalah ditanggung oleh penyebutharga sendiri.

SULIT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA
DOKUMEN SEBUT HARGA: SH(B)/TBNSA/SPPT/01/2017

9. Kerajaan tidak bertanggungjawab di atas apa-apa kehilangan tawaran semasa perjalanan pos/kerja-kerja hantar cepat (*courier service*) dan sebagainya.
10. Sebutharga yang dibuat dengan tidak mengikut arahan atau tidak sempurna tidak akan dilayan.

**SYARAT-SYARAT
AM**

SYARAT-SYARAT AM

1. PERIHAL PERKHIDMATAN

Perkhidmatan yang diperlukan adalah **PERKHIDMATAN MENAIKTARAF LAMPU JALAN (CEKAP TENAGA) DAN KERJA YANG BERKAITAN DI TAMAN BOTANI NEGARA SHAH ALAM (TBNSA)**

2. KELAYAKAN MENYERTAI SEBUTHARGA

2.1 Memenuhi Prosedur Sebutharga

Penyebutharga wajib mematuhi semua prosedur sebutharga yang dinyatakan di bawah. Kegagalan mematuhi mana-mana prosedur akan menyebabkan permohonan ditolak;

- (a) Semua Penyebutharga **MESTI** berdaftar dengan **Kementerian Kewangan** di bawah Kod Bidang **220503** bagi **Perkhidmatan Perkakas/Sistem Elektrik**. Penyebutharga dikehendaki mengemukakan **Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan yang ASAL** yang mana pendaftarannya masih lagi berkuat kuasa kepada Taman Botani Negara Shah Alam sebelum pengesahan melalui sistem ePerolehan dibenarkan.
- (b) Penyebutharga hendaklah mempunyai kad pintar ePerolehan sebagai kemudahan mengakses sistem ePerolehan bagi tujuan penyediaan pesanan tempatan serta pembayaran secara *online*.
- (c) Kos penyertaan sebutharga dan penyediaan dokumen sebutharga adalah ditanggung sendiri oleh Penyebutharga. Taman Botani Negara Shah Alam tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa jua kos yang terlibat.
- (d) Cadangan sebutharga mestilah dihantar sebelum atau selewat-lewatnya jam **12.00 tengah hari pada 8 OGOS 2017**. Cadangan yang lewat dihantar tidak akan dipertimbangkan.
- (e) Cadangan sebutharga mestilah mengandungi Cadangan Kewangan dan Cadangan Teknikal dalam dua (2) set berasingan dan mesti mengikut spesifikasi/syarat yang disenaraikan dalam **perenggan 4 (Cadangan Sebutharga)** dokumen ini.

2.2 Memenuhi Syarat Minimum Spesifikasi

Cadangan yang mematuhi prosedur sebutharga dikehendaki memenuhi semua syarat spesifikasi/syarat yang diterangkan dalam **Jadual Pematuhan Spesifikasi** dan **Spesifikasi Teknikal** dokumen ini. Cadangan yang tidak mematuhi syarat spesifikasi akan ditolak.

2.3 Penandarasan (*Benchmarking*)

Kerajaan berhak menguji atau mengadakan *benchmarking* untuk menilai ketepatan sesuatu / semua kelengkapan dan perkhidmatan yang dicadangkan bagi memastikan ianya benar-benar mematuhi spesifikasi yang dinyatakan.

2.4 Senarai Terpilih Akhir

Penyebutharga yang termasuk dalam senarai terpilih akhir adalah tertakluk kepada penilaian penuh selanjutnya dari segi perkhidmatan dan keberkesanan kos. Penilaian dari segi perkhidmatan dan lain-lain penilaian yang berasingan akan dibuat dan penyelesaian yang paling berkesan akan disyorkan untuk diterima.

3. KRITERIA PEMILIHAN

3.1 Pertimbangan akan diberi keutamaan kepada perkara berikut:

- (a) Cadangan pembekalan bahan bermutu tinggi dan sangat *reliable*;
- (b) Latar belakang penyebutharga yang mempunyai rekod perkhidmatan yang sangat baik;
- (c) Keupayaan syarikat menyediakan perkhidmatan yang cekap, sistematik dan peka terhadap keperluan Jabatan; dan
- (d) Faktor prestasi harga.

4. CADANGAN SEBUTHARGA

- 4.1 Penyebutharga dimestikan mengemukakan satu set **Cadangan Kewangan** dan satu set **Cadangan Teknikal** dalam sampul berasingan yang ditandakan dengan betul sebagai “**SULIT – CADANGAN KEWANGAN**” dan “**SULIT – CADANGAN TEKNIKAL**”. Cadangan-cadangan tersebut hendaklah mengandungi perkara-perkara seperti di bawah:

A) CADANGAN KEWANGAN

- (i) Borang Akuan Sebutharga (Lampiran Q);
- (ii) Maklumat Kewangan dan kakitangan Syarikat;
- (iii) Jadual Harga;
- (iv) Salinan Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan;
- (v) Sijil Taraf Bumiputera dengan Kementerian Kewangan;
- (vi) Salinan Sijil Pendaftaran dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia;
- (vii) Carta Organisasi Syarikat;
- (viii) Salinan penyata bulanan akaun bank syarikat penyebutharga bagi **tiga (3) bulan terakhir (April, Mei dan Jun 2017)**;
- (ix) Sijil My Hijau Mark jika ada;
- (x) Senarai Semak yang wajib ditandakan untuk Cadangan Kewangan;

Penting: Semua salinan maklumat sokongan di dalam Cadangan Kewangan hendaklah disahkan oleh pegawai atasan yang diberi kuasa oleh syarikat.

B) CADANGAN TEKNIKAL

- (i) Jadual Pematuhan Teknikal dan Spesifikasi Teknikal. Penyebutharga mestilah menyatakan maklumat terperinci bagi setiap item yang dinyatakan;
- (ii) **BROSUR YANG BERKAITAN** dengan perkhidmatan atau manual spesifikasi yang menyokong spesifikasi teknikal **MESTILAH** disertakan;
- (v) Pelan Pelaksanaan dan Jadual Pelaksanaan hendaklah mengandungi tempoh masa yang diperlukan;
- (vi) Profil kakitangan. Dilarang menyatakan nama kakitangan. Sila nyatakan jawatan kakitangan dan pengalaman sahaja;
- (v) Jadual Pengalaman Syarikat. Sila sertakan senarai kontrak di dalam bidang yang sama dan nilai kontrak;

- (vi) Senarai Semak yang wajib ditandakan untuk Cadangan Teknikal;
 - (vii) Semua maklumat yang disertakan dalam Cadangan Teknikal **TIDAK BOLEH** mengandungi harga atau kos Penyebutharga.
- 4.2 **KEGAGALAN** mematuhi mana-mana perkara di atas akan menyebabkan **CADANGAN DITOLAK**. Penyebutharga dikehendaki menjawab semua soalan yang dikemukakan.

5. PENGHANTARAN CADANGAN PENYEBUTHARGA

Setiap set cadangan sebutharga mestilah dimasukkan ke dalam **2 sampul surat berasingan** dan ditandakan dengan betul sebagai “**SULIT – CADANGAN KEWANGAN**” dan “**SULIT – CADANGAN TEKNIKAL**”. Kedua-dua sampul surat itu hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul surat yang lebih besar dan dimeterai dengan rapi dan ditandakan dengan betul sebagai **SULIT – SEBUTHARGA BAGI PERKHIDMATAN MENAIKTARAF LAMPU JALAN (CEKAP TENAGA) DAN KERJA YANG BERKAITAN DI TAMAN BOTANI NEGARA SHAH ALAM (TBNSA)**

pada penjuru atas kiri, dan dialamatkan dengan jelas kepada:-

Taman Botani Negara Shah Alam
Bahagian Industri Asas Tani
Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani Malaysia
Bukit Cahaya Seri Alam
40000 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan

Cadangan sebutharga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di **Taman Botani Negara Shah Alam, Bahagian Pembangunan Industri Dan Ekonomi Bumiputera, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia, Bukit Cahaya Seri Alam, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan** pada atau sebelum jam 12.00 tengah hari pada **8 OGOS 2017**.

6. PINDAAN

- 6.1 Kerajaan berhak meminda atau membatalkan mana-mana dokumen yang membentuk sebahagian daripada pelawaan sebutharga ini, pada bila-bila masa tanpa memberi notis terlebih dahulu untuk menguatkuasakan perubahan dalam polisi atau membetulkan mana-mana yang silap, tertinggal, tidak jelas atau tidak selaras yang mungkin timbul selepas pelawaan sebutharga in dikeluarkan.

Sekiranya Pelawaan Sebutharga ini dikeluarkan semula, maka semua Penyebutharga akan dimaklumkan sewajarnya.

7. BAHASA UNTUK PENYERAHAN SEBUTHARGA

Semua dokumen yang diserahkan oleh Penyebutharga termasuk manual teknikal hendaklah dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris.

8. PEMBERITAHUAN PENERIMAAN

8.1 Surat Setuju Terima akan diberikan secara bertulis kepada Penyebutharga yang berjaya setelah sebutharga itu diterima oleh Kerajaan.

8.2 Surat berkenaan mungkin mengandungi apa-apa syarat atau pindaan tambahan kepada syarat yang disertakan pada dokumen ini dan jika demikian, sebutharga ini tidak boleh dianggap sebagai telah dipersetujui melainkan pengesahan bertulis daripada Penyebutharga tentang persetujuannya terhadap syarat/pindaan tambahan itu diterima.

8.3 Apabila dipersetujui, kontrak dianggap sebagai telah dibuat antara Kerajaan dengan Penyebutharga itu menurut syarat yang disertakan (termasuk syarat tambahan dan pindaan) dan tiada perjanjian atau syarat lain dianggap sebagai telah dimasukkan ke dalam kontrak ini.

9. ASAS DAN SYARAT-SYARAT SEBUTHARGA

9.1 Tawaran **MESTILAH** berdasarkan kepada spesifikasi yang terkandung dalam dokumen. Cadangan yang tidak berdasarkan spesifikasi akan **DITOLAK**.

9.2 Penyebutharga yang berjaya dikehendaki untuk menandatangani Surat Setuju Terima yang selepas itu menjadi sebahagian daripada kontrak perkhidmatan.

9.3 Jika sebutharga ini dibatalkan sebelum tamat tempoh sah sebutharga atau mana-mana tempoh lanjutannya atau jika setelah sebutharga diterima, Penyebutharga enggan atau gagal melaksanakan Perjanjian Kontrak Rasmi seperti yang dikehendaki oleh syarat kontrak, maka dalam mana-mana kejadian itu tanpa menjejaskan apa-apa hak yang ada padanya, Kerajaan berhak mengambil tindakan terhadap Penyebutharga atau membatalkan pendaftaran Penyebutharga itu sebagai kontraktor Kerajaan mengikut mana yang dianggap sesuai oleh Kerajaan.

9.4 Apa-apa tuntutan perbelanjaan yang ditanggung oleh Penyebutharga dalam penyediaan dan penyerahan sebutharga ini adalah tidak dibenarkan.

10. JAMINAN ATAS SEBUTHARGA

10.1 Pendaftaran penyebutharga-penyebutharga di Kementerian Kewangan adalah merupakan jaminan ke atas sebutharga-sebutharga yang dikemukakan. Sekiranya penyebutharga-penyebutharga menarik balik tawaran sebelum sebutharga dipertimbangkan atau menolak tawaran setelah surat setuju terima dikeluarkan, tindakan tatatertib akan diambil seperti berikut:

- a) Menggantung pendaftaran selama dua (2) tahun bagi kesalahan pertama;
- b) Menggantung pendaftaran selama lima (5) tahun bagi kesalahan kedua; dan
- c) Pendaftaran akan dipotong terus bagi kesalahan berikutnya.

11. HARGA SEBUTHARGA

11.1 Harga yang dikeluarkan hendaklah dalam **Ringgit Malaysia (RM)**;

11.2 Tempoh sahlaku harga mestilah tidak kurang daripada **90 hari** dari tarikh tutup sebutharga;

11.3 Penyebutharga dikehendaki menyediakan ringkasan jadual harga berdasarkan pada **Jadual Harga**; dan

11.4 Harga ini adalah **harga bersih (*net delivered price*)**, termasuk kos penghantaran, pemasangan, pentauliahan, penyelenggaraan dan segala cukai Kerajaan yang berkaitan.

12. PENERIMAAN SEBUTHARGA

Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah dan Penyebutharga yang berjaya dikehendaki menandatangani Surat Setuju Terima yang akan menjadi sebahagian dari Kontrak Perkhidmatan.

13. PENERIMAAN KELENGKAPAN

Pengesahan penerimaan tidak akan dibuat sehingga kelengkapan yang dicadangkan dan dibekalkan itu memenuhi semua keperluan yang dinyatakan dalam **Spesifikasi Teknikal dan Kontrak Rasmi**.

14. PEMBAYARAN

14.1 Kerajaan akan membuat pembayaran apabila ianya berpuas hati bahawa pelaksanaan sebutharga memenuhi penentuan yang dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak. Walau bagaimanapun tiada apa-apa bayaran akan dibuat sebelum kontrak perkhidmatan telah dimeterai oleh kedua-dua belah pihak.

14.2 Kerajaan tidak boleh membuat bayaran jika didapati peralatan yang dibekalkan tidak menepati spesifikasi atau jika peralatan yang dibekalkan tidak berfungsi dengan sempurna. Bayaran hanya boleh dibuat setelah Kontraktor membuat penggantian atau pembaikan terhadap masalah yang dilaporkan.

15. Fi PERKHIDMATAN ePEROLEHAN (EP)

15.1 Fi perkhidmatan sebanyak 0.8% bagi setiap transaksi bagi setiap transaksi tertakluk had maksimum berjumlah RM9,600 bagi transaksi yang bernilai RM1.2 juta atau lebih bagi pembelian yang melibatkan hanya sekali bayaran (*one time payment*).

16. PERJANJIAN

Penyebutharga yang berjaya adalah dikehendaki menandatangani satu perjanjian dengan Kerajaan. Sementara dokumen perjanjian diuruskan dan dirasmikan, Surat Setuju Terima Sebut Harga dan Dokumen Sebut Harga ini hendaklah menjadi kontrak yang mengikat antara Kerajaan dan Penyebutharga.

17. TEMPOH PERKHIDMATAN

Tempoh **PERKHIDMATAN MENAIKTARAF LAMPU JALAN (CEKAP TENAGA) DAN KERJA YANG BERKAITAN DI TAMAN BOTANI NEGARA SHAH ALAM (TBNSA)** adalah selama **DUA (2) BULAN**.

18. TEMPOH MEMULAKAN PERKHIDMATAN

Cadangan tempoh mula untuk melaksanakan **PERKHIDMATAN MENAIKTARAF LAMPU JALAN (CEKAP TENAGA) DAN KERJA YANG BERKAITAN DI TAMAN BOTANI NEGARA SHAH ALAM (TBNSA)** ini adalah **dua (2) minggu** selepas Surat Setuju Terima ditandatangani.

19. IKLAN

Tiada maklumat mengenai kontrak boleh disiarkan di dalam sebarang akhbar, majalah atau alat pengiklanan yang terkini melainkan jika pengiklanan itu telah pun dihantar kepada dan diluluskan oleh Kerajaan terlebih dahulu.

20. BANTAHAN SPESIFIKASI YANG MENJURU KEPADA SESUATU JENAMA

Penyebutharga boleh membuat bantahan secara bertulis kepada Pengarah Taman Botani Negara Shah Alam, Bahagian Industri Asas Tani, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia, Bukit Cahaya Seri Alam, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan dan disalinkan kepada:-

KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
BAHAGIAN PENGURUSAN PEROLEHAN KERAJAAN
ARAS 5, BLOK UTARA, PRESINT 2
62592 PUTRAJAYA

Sekiranya mendapati spesifikasi sebutharga menjurus kepada sesuatu jenama dengan disertakan bukti-bukti yang kukuh dalam tempoh **empat belas (14) hari** dari tarikh dokumen sebutharga dijual.

21. KESALAHAN RASUAH

21.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.

21.2 Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah

merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.

- 21.3 Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.
- 22.4 Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja yang dibuat atau tiada barangan dibekalkan mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.

22. PELAKSANAAN *INTEGRITY PACT* DALAM PEROLEHAN KERAJAAN

22.1 *Integrity Pact* dilaksanakan bertujuan untuk:

- 22.1.1 Mengelak Penyebutharga daripada menawar atau memberi rasuah;
- 22.1.2 Menghendaki penyebutharga melaporkan sebarang kesalahan rasuah kepada Pihak Berkuasa; dan
- 22.1.3 Memastikan Kerajaan tidak menanggung "*unnecessary costs*" dalam pelaksanaan urusan perolehan.

